

19 APR 2001

Mahathir-pelaburan

MSAM PERCEPAT PROSES LAHIRKAN RAKYAT CELIK PELABURAN

KOTA BAHARU, 19 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin usaha berterusan Permodalan Nasional Berhad dan Persekutuan Pengurus-pengurus Amanah Saham Malaysia (FMUTM) menerusi penganjuran Minggu Saham Amanah Malaysia adalah cara terbaik untuk membantu mempercepatkan lagi proses melahirkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat dan celik pelaburan.

Ini secara tidak langsung menjadi faktor penggalak kepada masyarakat untuk melabur dalam saham amanah selaras dengan perkembangan industri saham amanah, katanya.

"Era globalisasi yang mencabar memerlukan kemampuan untuk berdaya saing dan industri saham amanah turut tidak ketinggalan," kata Perdana Menteri dalam buku cenderamata sempena perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pengetahuan serta maklumat terkini tentang pelaburan perlu dipertingkatkan bukan sahaja di kalangan pengurus dana tetapi juga pada pelabur.

Beliau berkata pemilihan Kota Baharu bagi diadakan MSAM 2001 membuka dimensi baru kepada industri saham amanah negara kerana buat pertama kalinya dalam sejarah, agenda negara yang begini besar diadakan di luar Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

"Sesungguhnya matlamat PNB dan FMUTM dalam menganjurkan MSAM ini amat jelas untuk menyampaikan pendidikan pelaburan dan menarik penglibatan masyarakat seramai mungkin," katanya.

Perdana Menteri berkata penglibatan badan-badan kawal selia dalam industri saham amanah, ahli FMUTM, syarikat-syarikat pelaburan PNB dan ejen-ejen PNB menjelaskan lagi betapa pentingnya peranan MSAM dalam mempercepatkan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran masyarakat mengenai pelaburan dan saham amanah.

Sempena MSAM itu, kerajaan telah bersetuju untuk PNB memperkenalkan satu lagi saham amanah baru.

"Saya berharap dengan pengenalan saham amanah baru ini, pelabur mempunyai alternatif untuk tujuan pelaburan dan simpanan bagi diri dan keluarga di masa hadapan," katanya.

Perdana Menteri menyeru masyarakat khususnya di Kelantan menggunakan kesempatan yang ada untuk mengunjungi pameran dan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bagi meningkatkan pengetahuan masing-masing mengenai pelaburan dan saham amanah.

-- BERNAMA

BD MAI